

**NO SOALAN : 45**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HJ AHMAD NAZLAN BIN  
IDRIS  
(JERANTUT)**

**TARIKH : 22 NOV 2016  
(SELASA)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah perkembangan terkini berkenaan rundingan tiga hala antara Malaysia, Filipina dan Indonesia berkenaan rondaan bersama di Laut Sulu bagi mengekang jenayah merentasi sempadan seperti penyeludupan, pencerobohan dan penculikan di perairan tersebut.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak inisiatif bagi kerjasama ini digerakkan pada 5 Mei 2016 di Yogyakarta, Indonesia beberapa siri mesyuarat telah diadakan.

Ianya bermula dengan perjumpaan tidak rasmi ketiga-tiga Menteri Pertahanan Malaysia, Indonesia dan Filipina semasa *ASEAN Defence Ministers' Meeting (ADMM)* di Vientiane, Laos pada 26 Mei 2016 bagi mengisytiharkan komitmen dalam membanteras insiden penculikan di perairan pantai Timur Sabah dan Laut Sulu. Berikutan itu, tiga siri mesyuarat pada peringkat Menteri Pertahanan telah diadakan.

Peringkat Kumpulan Kerja yang diterajui oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah mewujudkan *Framework on Trilateral Cooperative Arrangement between Malaysia, Indonesia and the Philippines on Immediate Measures to Address Security Issues in the Maritime Areas of Common Concern* yang ditandatangani di Jakarta, Indonesia pada 14 Julai 2016. Rangka kerja ini merupakan

asas kepada inisiatif – inisiatif yang telah dipersetujui secara kolektif oleh ketiga – tiga negara bagi melaksanakan rondaan serta kawalan keselamatan di kawasan tersebut. Dalam siri mesyuarat terbaru yang diadakan di Kuala Lumpur pada 17 hingga 18 Ogos yang lalu, dua daripada tiga *Standard Operating Procedures (SOP)* telah dimuktamadkan dan pihak Kumpulan Kerja akan mengadakan satu lagi mesyuarat pada penghujung bulan Oktober bagi memastikan inisiatif ini boleh dioperasikan dalam jangka masa terdekat.